



جامعة السلطان أزlan شاه  
UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH  
SULTAN AZLAN SHAH UNIVERSITY

**DOKUMEN SEBUT HARGA  
PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *ADOBE CREATIVE CLOUD***

**NO. SEBUT HARGA : USAS / SH / P28 / 2024**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA  
12.00 TENGAH HARI, 3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)**

**DISEDIAKAN OLEH :  
UNIT PEROLEHAN  
JABATAN KEWANGAN  
ARAS 2, BANGUNAN PENTADBIRAN,  
UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH,  
BUKIT CHANDAN, 33000 KUALA KANGSAR,  
PERAK.**

**NO. TEL : 05 - 7732252 / NO. FAKS. : 05 - 7732305**

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
2	ARAHAN SEBUT HARGA
3	SYARAT SEBUT HARGA
4	SENARAI SEMAK
5	LAMPIRAN : a) Borang Tawaran Teknikal b) Borang Tawaran Harga c) Lampiran Q / Borang Sebut Harga d) Surat Akuan Penyebut Harga e) Maklumat Penyebut Harga f) Butiran Penyebut Harga g) Maklumat Kewangan Penyebut Harga
6	BORANG : a) Borang A Laporan Bank / Institusi Kewangan Mengenai Kemampuan dan Sokongan Kewangan Penyebut Harga b) Borang B Laporan Penyelia Perolehan Atas Prestasi Perkhidmatan (Bukan Perolehan Universiti Sultan Azlan Shah) Semasa Penyebut Harga



### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebut Harga yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan masih dibenarkan menyertai Sebut Harga ini.

**NOMBOR SEBUT HARGA** : **USAS / SH / P28 / 2024**  
**TAJUK SEBUT HARGA** : **PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ADOBE  
 CREATIVE CLOUD**

TEMPAT & TARIKH DOKUMEN DIPEROLEHI	SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	MASA & TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
Portal Pembekal www.usas.edu.my	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang <b>210103 / 210104</b>	Sila hubungi pegawai teknikal untuk pertanyaan lanjut / janji temu.	12:00 Tengah Hari Khamis 3 Oktober 2024

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapati di laman web [www.usas.edu.my](http://www.usas.edu.my), Penyebut Harga perlu memuat turun, mencetak dan melengkapkan dokumen tersebut bersama lampiran yang diperlukan dengan sempurna.
2. Walaupun tiada sesi lawatan tapak / taklimat dijalankan, Penyebut Harga digalakkan menghubungi pegawai teknikal / membuat lawatan tapak untuk mendapatkan butiran / penjelasan lanjut berkenaan spesifikasi Sebut Harga ini bagi memastikan harga yang ditawarkan oleh Penyebut Harga adalah tepat dengan spesifikasi yang ditetapkan.
3. Borang Sebut Harga yang telah lengkap bersama dokumen sokongan / sampel hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Kewangan, Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Universiti Sultan Azlan Shah sebelum jam **12:00 tengah hari** pada **Khamis, 3 Oktober 2024**.
4. Universiti Sultan Azlan Shah tidak semestinya menerima tawaran harga terendah atau terikat dengan mana - mana Sebut Harga.

## ARAHAN SEBUT HARGA

### PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *ADOBE CREATIVE CLOUD*

#### 1. HAK USAS UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana - mana Sebut Harga atau memberi apa - apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan USAS adalah muktamad.

#### 2. CARA - CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

##### 2.1. Penyediaan Dokumen Sebut Harga

2.1.1. Penyebut Harga adalah dikehendaki melengkapkan Dokumen Sebut Harga dengan sepenuhnya; dan

2.1.2. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana - mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas bersebelahan dengannya. Penggunaan sebarang pemadam cecair adalah tidak dibenarkan.

##### 2.2. Penyerahan Dokumen Sebut Harga

2.2.1. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam 2 (Dua) sampul surat berasingan dengan label **A** dan **B** yang dicatatkan dengan No. Sebut Harga **USAS / SH / P28 / 2024** di sudut atas sebelah kanan sampul surat berkenaan serta tajuk Sebut Harga **PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *ADOBE CREATIVE CLOUD*** dicatatkan di sudut kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak** selewat - lewatnya pada jam **12:00 tengah hari** pada **3 Oktober 2024 (Khamis)**.

2.2.2. **Sampul Surat A** adalah **Dokumen Tawaran Teknikal** mengandungi :

2.2.2.1. Borang Tawaran Teknikal; dan

2.2.2.2. Lampiran berkaitan seperti katalog, brosur, sampel dan sebagainya.

2.2.3. **Sampul Surat B** adalah **Dokumen Tawaran Kewangan** mengandungi :

2.2.3.1. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;

2.2.3.2. Lampiran Q;

2.2.3.3. Borang Tawaran Harga;

2.2.3.4. Surat Akuan Penyebut Harga;

2.2.3.5. Borang Latar Belakang Penyebut Harga;

2.2.3.6. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Penyebut Harga bagi 3 (Tiga) bulan terkini sebelum tarikh tutup Sebut Harga;

2.2.3.7. Borang A - Laporan Bank / Institusi Kewangan Mengenai Kemampuan dan Sokongan Kewangan Penyebut Harga; dan

2.2.3.8. Borang B - Laporan Prestasi Perkhidmatan (Bukan USAS) Semasa Penyebut Harga.

2.2.4. Maklumat umum hendaklah mengandungi Profil Penyebut Harga, Surat Akuan Penyebut Harga dan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia serta masih berkuat kuasa tidak kurang 6 (Enam) bulan dari tarikh tutup Sebut Harga.

2.2.5. Dokumen Sebut Harga yang diserahkan selepas masa dan tarikh tutup tawaran yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. USAS tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung terhadap Dokumen Sebut Harga yang dihantar melalui pos / kiriman *courier*.

- 2.2.6. Penyebut Harga **TIDAK DIBENARKAN MELETAKKAN APA - APA NAMA ATAU LOGO PENYEBUT HARGA DAN HARGA TAWARAN DALAM BORANG TAWARAN TEKNIKAL, BROSUR, KATALOG, SAMPEL DAN SEBAGAINYA.** Ketidakpatuhan ini menyebabkan tawaran Penyebut Harga **DITOLAK.**

### **3. TEMPOH PENGAKTIFAN**

Sila rujuk Dokumen Tawaran Teknikal.

### **4. PERBELANJAAN MENYEDIAKAN DAN MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan untuk menyediakan dan melengkapkan Dokumen Sebut Harga termasuk dokumen sokongan, sampel dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga.

### **5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Tempoh sah laku tawaran Sebut Harga adalah 90 (Sembilan Puluh) hari bermula daripada tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

### **6. PERTANYAAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan berkaitan Sebut Harga ini, sila hubungi pegawai berikut :

#### **6.1. Teknikal**

- |                                     |              |
|-------------------------------------|--------------|
| 6.1.1. Pn. Nor Faridah Bani Omar    | 05 - 7732256 |
| 6.1.2. Ts. Anis Suria Mohd Zainudin | 05 - 7732342 |
| 6.1.3. En. Noorkhizan Mohamad       | 05 - 7732311 |

#### **6.2. Dokumentasi**

- |                           |              |
|---------------------------|--------------|
| En. Khairul Amry Hairudin | 05 - 7732252 |
|---------------------------|--------------|

## **SYARAT SEBUT HARGA**

Penyebut Harga mesti mematuhi syarat - syarat ini apabila menyertai tawaran sebut harga. Kegagalan mematuhi mana - mana syarat di bawah ini menyebabkan tawaran sebut harga tidak dipertimbangkan dan ditolak.

### **1. PERATURAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN**

Penyebut Harga akan melaksanakan Perkhidmatan mengikut harga dan spesifikasi yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga ini.

### **2. PERUBAHAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN**

2.1. USAS boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan - arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan atau pindaan ke atas harga atau spesifikasi Perkhidmatan dengan secara bertulis. Tiada apa - apa perubahan yang dikeluarkan oleh USAS atau Wakilnya atau yang disahkan kemudian oleh USAS boleh membatalkan Sebut Harga ini.

2.2. Semua perubahan Perkhidmatan dan atau tambahan yang diluluskan oleh USAS akan dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh USAS dan Penyebut Harga hendaklah digunakan.

### **3. PENYERAHAN PERKHIDMATAN**

3.1. Perkhidmatan hendaklah dilaksanakan dan disempurnakan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga ini.

3.2. Sebarang lanjutan kepada tempoh penyerahan hendaklah dipersetujui oleh USAS secara bertulis.

### **4. PENERIMAAN BERSYARAT**

Walaupun Perkhidmatan telah selesai, USAS adalah sentiasa berhak menolak sebahagian atau semua penyerahan jika hasil Perkhidmatan tidak menepati seperti mana yang butirannya terkandung yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga ini.

## **5. PEMBERIAN MILIK DAN TANGGUNGJAWAB PERKHIDMATAN**

- 5.1. Penyebut Harga tidak dibenarkan menyerahkan tanggungjawab Perkhidmatan dan tidak boleh memindahkan atau menyerahkan apa - apa faedah di bawah Sebut Harga ini kepada pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada USAS.
- 5.2. Penyebut Harga tidak boleh memberi milik atau mana - mana bahagian atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa - apa juga daripada wang yang kena dibayar di bawah Sebut Harga ini dan apa - apa faedah yang terlibat dari atau yang mungkin terbit dari Sebut Harga ini kepada mana - mana pihak dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan USAS.

## **6. PEMATUHAN KEPADA UNDANG - UNDANG OLEH PENYEBUT HARGA**

Penyebut Harga hendaklah mematuhi segala kehendak Undang - undang Kecil dan Undang - undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Perkhidmatan. Penyebut Harga tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat - syarat ini.

## **7. KEGAGALAN PENYEBUT HARGA MEMULAKAN PERKHIDMATAN**

Sekiranya Penyebut Harga gagal memulakan Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima, tanpa sebab - sebab yang munasabah, Surat Setuju Terima akan dibatalkan oleh USAS dan tindakan undang - undang akan diambil terhadap Penyebut Harga.

## **8. HAK USAS APABILA PERKHIDMATAN TIDAK MEMUASKAN**

- 8.1. Sekiranya, bagi satu - satu pesanan, Penyebut Harga telah melaksanakan Perkhidmatan yang tidak memuaskan daripada yang telah ditetapkan di dalam Dokumen Sebut Harga ini, USAS boleh sama ada :
  - 8.1.1. Menamatkan kontrak ini; atau
  - 8.1.2. Menolak hasil Perkhidmatan dan menamatkan kontrak ini; atau
  - 8.1.3. Meminta gantian semula yang mana hendaklah diserahkan dalam tempoh masa yang dipersetujui oleh kedua - dua pihak.



Jika gantian Perkhidmatan tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan, USAS boleh mendapatkan Perkhidmatan berkenaan daripada punca - punca lain dengan syarat bahawa jika kos bagi punca lain melebihi harga dalam Dokumen Sebut Harga ini, Penyebut Harga akan dikenakan membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada USAS.

- 8.2. Bagi satu - satu pesanan jika Penyebut Harga telah menyerahkan hasil Perkhidmatan yang tidak memuaskan kepada USAS dan USAS tidak menolak hasil Perkhidmatan tersebut oleh sebab ianya belum dipakai atau digunakan sebelum diketahui hasilnya, USAS boleh membuat tuntutan / pampasan terhadap Penyebut Harga sama banyak dengan nilai Perkhidmatan tersebut.
- 8.3. Jika selepas dokumen diserahkan, USAS mendapati dokumen tersebut tidak memuaskan, USAS boleh sama ada menerima atau menolak dokumen tersebut dan menamatkan kontrak dan Penyebut Harga adalah bertanggungjawab membayar kepada USAS pampasan sebanyak nilai Perkhidmatan tersebut tanpa mengambil kira sama ada USAS menamatkan Kontrak ini atau tidak.

## **9. KEGAGALAN PENYEBUT HARGA MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN**

- 9.1. Penyebut Harga akan ditakrifkan sebagai gagal menyempurnakan Kontrak ini sekiranya tidak dapat melaksanakan sepenuhnya Perkhidmatan seperti yang ditetapkan oleh USAS dan seperti mana yang telah dipersetujui dalam Dokumen Sebut Harga ini.
- 9.2. USAS berhak menamatkan Kontrak sekiranya Penyebut Harga berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada USAS :
  - 9.2.1. Penyebut Harga masih gagal melaksanakan Perkhidmatan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
  - 9.2.2. Proses Perkhidmatan berlaku terlalu perlahan tanpa apa - apa sebab yang munasabah;
  - 9.2.3. Pergantungan pelaksanaan keseluruhan atau sebahagian Perkhidmatan, tanpa apa - apa sebab yang munasabah; dan

- 9.2.4. Penyebut Harga dengan sengaja secara berterusan tidak mematuhi apa - apa arahan USAS tanpa apa - apa sebab yang munasabah.
- 9.3. Jika difikirkan perlu, pihak USAS boleh mendapatkan Perkhidmatan yang gagal dilaksanakan daripada punca - punca lain dan segala perbelanjaan tambahan yang ditanggung oleh USAS hal ini hendaklah dituntut terus kepada Penyebut Harga.
- 9.4. Hak USAS dalam perkara ini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menyekat hak - hak USAS yang lain secara nyata atau tersirat di dalam Kontrak ini atau di sisi undang - undang untuk menuntut ganti rugi daripada Penyebut Harga kerana gagal melaksanakan tanggungjawab di bawah Kontrak ini.

## **10. PEMBAYARAN**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Penyebut Harga menyempurnakan Perkhidmatan dengan sempurna menepati kualiti dan spesifikasi yang ditetapkan dan Perakuan Perkhidmatan dikeluarkan. Pembayaran oleh USAS tidak melepaskan Penyebut Harga atas tanggungjawab di bawah Kontrak ini.

## **11. SET - OFF**

USAS boleh memotong apa - apa wang yang kena dibayar kepada Penyebut Harga di bawah Kontrak ini, daripada apa - apa wang yang kena dibayar oleh USAS kepada Penyebut Harga di bawah Kontrak ini. Jika wang yang Penyebut Harga berhutang kepada USAS itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan USAS, USAS boleh menuntut baki wang daripada Penyebut Harga dan Penyebut Harga hendaklah membuat pembayaran selewat - lewatnya sebulan selepas menerima tuntutan.

## **12. JAMINAN / WARANTI**

- 12.1. Tempoh jaminan bagi Perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini tertakluk kepada tarikh penerimaan Perkhidmatan terakhir.
- 12.2. Pihak Penyebut Harga juga memberi jaminan jika berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan pada hasil Perkhidmatan, maka Penyebut Harga akan menggantikan segala kesilapan dan kecacatan tersebut dengan kadar segera sebaik sahaja dimaklumkan berkenaan dengannya oleh USAS dan segala kos berkaitan adalah ditanggung oleh Penyebut Harga.
- 12.3. Sekiranya USAS tidak berpuas hati dengan proses pembetulan dan penggantian yang dilakukan oleh Penyebut Harga, USAS boleh sama ada :
- 12.3.1. Mendapatkan punca - punca lain dan kos berkenaan akan ditanggung oleh Penyebut Harga; atau
  - 12.3.2. Memulangkan hasil Perkhidmatan tersebut kepada Penyebut Harga dan meminta gantian baharu. Sekiranya gantian tersebut tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan, USAS boleh menuntut pampasan daripada Penyebut Harga.

## **13. PENAMATAN KONTRAK**

USAS boleh dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga menamatkan Kontrak ini tanpa dikenakan sebarang kos ke atas USAS jika :

- 13.1. Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana - mana terma dan syarat - syarat yang terdapat dalam Kontrak ini;
- 13.2. Penyebut Harga itu sebagai seorang perseorangan atau firma pada bila - bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang - pemiutang atau membuat sesuatu pinda hak atau menyerah hak bagi faedah - faedah pemiutang - pemiutang atau jika Penyebut Harga itu adalah suatu syarikat, meluluskan suatu ketetapan, atau mahkamah membuat sesuatu perintah bahawa syarikat itu digantung (Bukan suatu penggulungan ahli

bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang pemiutang melantik seorang penerima atau pengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat perintah penggulungan;

13.3. USAS mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (Sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah, dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Kontrak ini tidak menyentuh hak - hak USAS untuk mendapatkan balik ganti rosak dan lain - lain hak yang sedia ada; atau

13.4. Penyebut Harga menyerahkan hak sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Kontrak ini kepada mana - mana pihak lain tanpa persetujuan bertulis USAS.

#### **14. FORCE MAJEURE**

14.1. Penyebut Harga dan USAS adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Kontrak ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan - keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana - mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Kontrak ini, Kontrak ini boleh ditamatkan dengan persetujuan kedua - dua Pihak, tanpa apa - apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud :

14.1.1. Peperangan (Sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh - musuh asing;

14.1.2. Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;

14.1.3. Bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa - apa bencana alam yang, secara munasabah, seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga - jaga;

- 14.1.4. Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau sinaran berbahaya;
- 14.1.5. Tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa - apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan bunyi atau supersonik;
- 14.1.6. Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- 14.1.7. Sebab - sebab atau bahaya - bahaya yang lain yang di luar kawalan mana - mana Pihak.
- 14.2. Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana - mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa - apa obligasinya di bawah Kontrak ini (Atau mana - mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta - merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* itu kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir - butir terperinci mengenai kejadian - kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Kontrak ini.
- 14.3. Mana - mana Pihak tidak boleh menggunakan mana - mana peruntukan - peruntukan dalam Klausa - klausa ini sehingga kedua - dua Pihak telah memutuskan secara munasabahnyanya bahawa satu kejadian *Force Majeure* telah berlaku.
- 14.4. Penyebut Harga hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* benar - benar berlaku sebelum Penyebut Harga dapat melepaskan tanggungjawabnya di bawah Klausa ini.
- 14.5. Jika Kontrak ini ditamatkan, semua hak dan obligasi Pihak - pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan mana - mana Pihak tidak boleh membuat apa - apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing - masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan dengan apa - apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

14.6. Bagi mengelakkan apa - apa keraguan, Pihak - pihak kepada Kontrak ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing - masing di bawah Kontrak ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan Klausula - klausula ini.

## **15. NOTIS**

Segala notis yang hendak atau perlu diberi oleh mana - mana satu pihak kepada pihak yang lain hendaklah secara bertulis dan diserahkan secara serahan tangan atau di pos secara pos berdaftar ke alamat penerima yang dinyatakan di sini atau ke lain alamat yang dimaklumkan secara bertulis oleh penerima dan bagi tujuan tersebut hendaklah dianggap telah diserahkan dengan sempurna setelah 7 (Tujuh) hari dari tarikh ianya dihantar. Jika mengikut peruntukan - peruntukan di dalam Kontrak ini, satu notis diperlukan, ia hendaklah diberi secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan ke alamat berikut :

Unit Perolehan  
Jabatan Kewangan, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak.  
Tel. : 05 - 773 2252 / Faks. : 05 - 773 2305

## **16. IKLAN**

Iklan - iklan mengenai Kontrak ini tidak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain - lain pengiklanan tanpa kelulusan bertulis dari USAS.

## **17. KOS KONTRAK DAN DUTI SETEM**

Sebarang kos dan apa - apa duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Kontrak ini akan ditanggung oleh Penyebut Harga.

## **18. PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI**

Jika dalam tempoh Kontrak ini, terjadi perubahan pada mana - mana kadar duti atau cukai yang dikenakan oleh Kerajaan, Penyebut Harga akan menanggung segala kos yang terlibat akibat daripada perubahan tersebut.

## **19. UNDANG - UNDANG**

Kontrak ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang - undang Malaysia dan Pihak - pihak bagi Kontrak ini adalah tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

## **20. PINDAAN - PINDAAN**

Sebarang pindaan atau perubahan kepada Kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua - dua pihak.

## **21. MASA**

Masa di mana - mana dinyatakan di dalam Kontrak ini hendaklah menjadi inti pati kepada Kontrak ini.

## **22. KONTRAK MENGIKAT**

Kontrak ini mengikat pemegang waris, wakil persendirian, penerima serah hak yang dibenarkan atau waris kedua - dua pihak.

## **23. JADUAL DAN LAMPIRAN**

Semua jadual dan lampiran yang dilampirkan hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian penting Kontrak ini.

## **24. BON PELAKSANAAN**

24.1. Penyebut Harga yang berjaya dilantik bagi sebut harga ini dikehendaki mengemukakan bersama-sama dengan SST, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:

24.1.1. 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak yang bernilai kurang RM500,000; dan

24.1.2. 5% daripada jumlah harga kontrak yang bernilai melebihi RM500,000.

24.2. Tempoh sah laku jaminan bagi Bon Pelaksanaan bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

**SENARAI SEMAK**

Sila tandakan ( ✓ ) bagi dokumen yang disertakan.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara / Dokumen</b>	<b>Dilengkapkan oleh Penyebut Harga</b>	<b>Dilengkapkan oleh Jawatankuasa Pembuka Peti Sebut Harga / Tender</b>
1	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia.		
2	Lampiran Q yang telah lengkap (Termasuk nilai tawaran) dan ditandatangani.		
3	Borang Tawaran Teknikal.		
4	Borang Tawaran Harga.		
5	Surat Akuan Penyebut Harga.		
6	Maklumat Penyebut Harga.		
7	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai bagi 3 (Tiga) bulan terkini sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Salinan hendaklah <b>muka surat pertama dan akhir</b> yang menjelaskan <b>baki awal bulan dan hujung bulan</b> sahaja. <b>Muka surat yang menyenaraikan transaksi bulanan tidak diperlukan.</b>		
8	Borang A Laporan Bank / Institusi Kewangan Mengenai Kemampuan dan Sokongan Kewangan Penyebut Harga.		
9	Borang B Laporan Penyelia Perolehan Atas Prestasi Perkhidmatan (Bukan USAS) Semasa Penyebut Harga.		



**BORANG TAWARAN TEKNIKAL**

Bagi setiap item perlu disertakan brosur / katalog / sampel dan sebagainya sekiranya diminta berbuat demikian untuk rujukan dan tidak akan dikembalikan.

**ADOBE CREATIVE CLOUD**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Spesifikasi</b>	<b>Pematuhan (Ya/Tidak)</b>	<b>Nota</b>
1	<i>Licence Type</i>	<i>Creative Cloud All Apps Education Plan Renewal Per Shared Device for Labs</i>		
2	<i>Version</i>	<i>Latest</i>		
3	<i>Licence Duration</i>	<i>12 Months (Nov 2024 - Nov 2025)</i>		
4	<i>Commissioning</i>	<i>Include Installation, Setup and Testing.</i>		
5	<i>Membership</i>	<i>VIP Select</i>		
6	<i>VIP Number</i>	<i>6F99060C95F10540954A</i>		
7	<i>Membership Level</i>	<i>3 (Three)</i>		
8	<i>Warranty</i>	<i>One-year on-site warranty</i>		
9	Tempoh Pembekalan Selesai	2 minggu selepas menerima Surat Setuju Terima (SST)		

## Creative Cloud All Apps

### What's included.

- Acrobat Pro
- Photoshop
- Illustrator
- InDesign
- Premiere Pro
- After Effects
- Lightroom
- XD
- Animate
- Lightroom Classic
- Dreamweaver
- Dimension
- Audition
- InCopy
- Character Animator
- Capture
- Fresco
- Bridge
- Adobe Express
- Premiere Rush
- Photoshop Express
- Media Encoder
- Aero
- Scan
- Fill & Sign
- Acrobat Reader

**BORANG TAWARAN HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua kos penyediaan, kelulusan, cetakan, penghantaran, pemasangan, cukai dan sebagainya

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Harga Seunit</b>	<b>Unit</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1	<i>Adobe Creative Cloud</i>		77	
2				
3				
<b>Jumlah</b>			<b>RM</b>	



**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini  
No. Sebut Harga : USAS / SH / P28 / 2024

(Kew. 284 - Pin. 5 / 94)

**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

1. Dokumen ini adalah sebahagian daripada Kontrak Sebut Harga.

Kepada (Nama Penyebut Harga) ..... ..... ..... No. Telefon : ..... No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia : ..... Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan sebut harga ini .....	Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh :  Unit Perolehan Jabatan Kewangan, Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak. No. Telefon : 05 – 7732252  Tarikh : 19 September 2024
--	---

2. Sila kemukakan Dokumen Sebut Harga untuk Perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat - syarat yang ditetapkan :

- 2.1. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Kewangan, Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Universiti Sultan Azlan Shah.
- 2.2. Tarikh dan masa tutup Sebut Harga adalah pada Khamis, 3 Oktober 2024, jam 12:00 tengah hari.
- 2.3. Dokumen sebut harga boleh dihantar dengan serahan tangan atau pos.

2.4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebut Harga USAS / SH / P28 / 2024.

2.5. **Tempoh sah laku** Sebut Harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Tarikh : 19 September 2024

Tandatangan : .....  
Nama Pegawai : .....  
Jawatan : Pengurus Perolehan

Perihal Perkhidmatan dan Syarat - syarat Khas	Harga Tawaran
Universiti Sultan Azlan Shah	Penyebut Harga
<b>PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ADOBE CREATIVE CLOUD</b>	<b>RM</b>

3. Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk Perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat - syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat - syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga : .....

Nama dan No. K / P : .....

Alamat Penyebut Harga : .....

Tarikh : .....

## **SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa - apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat - syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat - syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga .

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir - butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

5.1. USAS tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau mana - mana Sebut Harga; dan

5.2. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu Sebut Harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

6.1. USAS sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila - bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

6.2. Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (Jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

8.1. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui Sebut Harganya boleh ditolak;

8.2. Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada USAS segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

8.3. Fasal - kecil 8.1 dan 8.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa - apa hak USAS untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa - apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana - mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana - mana akhbar, majalah, atau lain - lain saluran iklan tanpa kelulusan USAS terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut Harga ini dan apa - apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang - undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa - apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa - apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS / TAKAFUL**

Tiada apa - apa insurans / takaful atas barang dalam perjalanan daripada negeri Penyebut Harga atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebut Harga.

**BARANG - BARANG EX - STOK ATAU BARANG - BARANG KELUARAN MALAYSIA**

**12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

**13. PEMBUNGKUSAN**

13.1. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

13.2. Apa - apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

**14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG - BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur - unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**16. MATA WANG**

Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**17. PEMBUNGKUSAN**

17.1. Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

17.2. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

17.3. Apa - apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut Harga.



**SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA**

**PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ADOBE CREATIVE CLOUD**

Saya, ..... no. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... no. pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana - mana individu yang mewakili Penyebut Harga ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana - mana individu dalam Universiti Sultan Azlan Shah atau mana - mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas. Bersama - sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili Penyebut Harga seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana - mana individu yang mewakili Penyebut Harga ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana – mana individu dalam Universiti Sultan Azlan Shah atau mana – mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil Penyebut Harga bersetuju tindakan - tindakan berikut diambil :

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3. Tindakan tatatertib mengikut Peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana - mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana - mana individu yang berkaitan dengan Penyebut Harga ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :  
No. KP :  
Cap :

Catatan : Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

## KESALAHAN RASUAH

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau apa - apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana - mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Sekiranya mana - mana pihak menawar atau memberi apa - apa suapan kepada mana - mana anggota Universiti Sultan Azlan Shah, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
3. Tanpa prejudis kepada tindakan - tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Universiti Sultan Azlan Shah dan menyenaraikan hitam Penyebut Harga boleh diambil sekiranya Pihak - pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
4. Mana - mana Penyebut Harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada Perkhidmatan yang diberi di mana - mana anggota Universiti Sultan Azlan Shah yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

**MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

**SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN PENGESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Nama Penyebut Harga : .....

Alamat : .....  
.....  
.....

Kepada : Unit Perolehan  
Jabatan Kewangan  
Aras 2, Bangunan Pentadbiran,  
Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak.

Tuan,

**Maklumat Latar Belakang, Kewangan dan Teknikal Penyebut Harga**

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan - arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk arahan - arahan yang menghendaki kami mengemukakan maklumat - maklumat dan dokumen - dokumen mengenai perkara di atas bersama - sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan pihak Universiti Sultan Azlan Shah menilai keupayaan kami untuk melaksanakan Perkhidmatan yang di Sebut Harga semasa penilaian Sebut Harga.
2. Kami faham dan maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan Perkhidmatan yang di Sebut Harga. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakui oleh Jawatankuasa Perolehan (Tender / Sebut Harga) untuk disetujui terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan Perkhidmatan yang di Sebut Harga mengikut penilaian Universiti Sultan Azlan Shah berasaskan maklumat - maklumat dan dokumen - dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang diminta bersama - sama Sebut Harga kami sebelum Sebut Harga ditutup dan maklumat - maklumat atau dokumen - dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat - maklumat dan data - data yang kami berikan bersama - sama ini setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Universiti Sultan Azlan Shah terhadap kami dan / atau Sebut Harga kami sekiranya mana - mana maklumat, data - data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat - maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama - sama ini mana - mana maklumat dan / atau menyertakan mana - mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan Universiti Sultan Azlan Shah menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen - dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi Perkhidmatan semasa kami seperti berikut :
- 5.1. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Penyebut Harga bagi 3 (Tiga) bulan terkini sebelum tarikh tutup Sebut Harga.
  - 5.2. Laporan Penyelia Perolehan mengenai prestasi Perkhidmatan semasa yang bukan Universiti Sultan Azlan Shah dalam sampul surat berlakri bagi setiap Perkhidmatan yang sedang dilaksanakan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana - mana Pegawai Universiti Sultan Azlan Shah, Jurutera Projek, Bank dan Institusi Kewangan lain dan lain - lain atau mana - mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat - maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh Universiti Sultan Azlan Shah untuk menyemak maklumat - maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami maklum bahawa pihak Universiti Sultan Azlan Shah juga boleh merujuk apa - apa maklumat yang kami kemukakan dengan mana - mana pihak termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat - maklumat dan dokumen - dokumen yang kami berikan bersama - sama ini.

Yang Benar,

.....

Tarikh : .....

(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Atas Sifat : .....

Yang memberi kuasa sepenuhnya untuk Menandatangani Sebut Harga ini untuk dan bagi Pihak :

.....

(Materai atau Cap Penyebut Harga)

Saksi : .....

Tarikh : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Pekerjaan : .....

**BUTIRAN PENYEBUT HARGA**

Maklumat berikut perlu dilengkapkan. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja.

1. Nama : .....

2. Alamat : .....  
.....

No. Telefon : ..... No. Faks. : .....

3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia

3.1. No. Pendaftaran : .....

3.2. Tarikh Daftar : .....

Tarikh Tamat : .....

3.3. Kod Bidang : .....  
.....

3.4. Taraf (Bumiputera / Bukan Bumiputera) : .....

3.5. Jika Bumiputera, tempoh sah taraf dari ..... hingga .....

4. Bagi Penyebut Harga Syarikat Terhad, sila nyatakan :

4.1. Modal dibenarkan : RM .....

4.2. Modal berbayar : RM .....

5. Perniagaan utama yang lain, jika ada :

5.1. .... tahun .....

5.2. .... tahun .....





**MAKLUMAT KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

Maklumat berikut perlu dilengkapkan. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja.

1. Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (*Balance Sheet*)\* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

<b>Aset*</b> <b>(A)</b>		<b>Liabiliti*</b> <b>(B)</b>		<b>Nilai Kewangan</b> <b>(Worth) (A - B)</b>	
Semasa	RM	Semasa	RM	Modal Pusingan	RM
Tetap	RM	Tetap	RM	Modal Tetap	RM
Jumlah	RM	Jumlah	RM	<i>Net Worth</i>	RM

2. Akaun Wang di tangan (*Cash in hand*)\*\*

- 2.1. Nama dan alamat Bank di mana akaun di buka :

.....

.....

.....

- 2.2. Nombor Akaun : .....

3. Kemudahan Kredit (Jika ada)\*\*\*

- 3.1. Nama dan alamat Bank / Institusi Kewangan yang memberi Kemudahan Kredit :

.....

.....

.....



3.2. Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk Perkhidmatan.

3.2.1. Overdraf atau Talian Kredit : RM .....

3.2.2. Overdraf Bercagar : RM .....

3.2.3. Pinjaman : RM .....

3.2.4. .... : RM .....

Jumlah : RM .....

---

### Peringatan Penting

\* Sila sertakan salinan Penyata Bulanan Bank bagi 3 (Tiga) bulan sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Sebut Harga yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.

\*\* Sila dapat dan sertakan Laporan Sulit daripada pihak Bank / Institusi Kewangan atas format seperti disediakan dalam satu sampul surat berlakri.

**SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN**

Maklumat berikut perlu dilengkapkan. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja.

<b>Nama Perkhidmatan</b>	<b>Jabatan / Agensi / Perunding menyelia Perkhidmatan</b>	<b>Harga Kontrak</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Peratusan Kemajuan Semasa</b>





**BUTIRAN SOKONGAN BERKAITAN DENGAN PERKHIDMATAN**

Butiran berikut hendaklah dilengkapkan sekiranya berkenaan. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja. Maklumat berkaitan dengan Perkhidmatan adalah maklumat - maklumat tambahan yang boleh membantu penilaian atau kelebihan Penyebut Harga yang berkaitan dengan Sebut Harga ini sahaja, seperti contoh pernah memenangi pertandingan, mempunyai pekerja mahir dan berpengalaman, pengedar tunggal sesuatu barang, mempunyai lesen / kepakaran khas dan sebagainya.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>

**SULIT**

**LAPORAN BANK / INSTITUSI KEWANGAN BERKAITAN KEMAMPUAN DAN SOKONGAN  
KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

Borang ini hendaklah dilengkapi oleh pihak Bank atau Institusi Kewangan dan **diserahkan kepada Penyebut Harga dalam satu sampul berlakri** untuk disertakan bersama - sama Dokumen Sebut Harga sekiranya Penyebut Harga mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank / Institusi Kewangan.

Kepada : Unit Perolehan, Universiti Sultan Azlan Shah.

Nama Penyebut Harga : .....

Perkhidmatan : Pembaharuan Lesen Perisian *Adobe Creative Cloud*

- a) Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan Perkhidmatan Kemudahan Kredit yang telah diluluskan dan kemudahan Kredit Tambahan Minimum yang layak diperoleh oleh Penyebut Harga adalah seperti berikut :

<b>Bentuk Kemudahan Kredit</b>	<b>Baki telah Diluluskan</b>	<b>Tambahan</b>	<b>Jumlah akan Diluluskan*</b>
<b>Overdraf</b>	RM	RM	RM
<b>Pinjaman</b>	RM	RM	RM
<b>Talian Kredit</b>	RM	RM	RM
<b>Jumlah</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>

\* Sekiranya Penyebut Harga berjaya memenangi kontrak Perkhidmatan.

- b) Ulasan mengenai kemampuan kewangan dan akaun Penyebut Harga :

.....  
.....

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank : .....

Nama Bank : ..... Nama : .....  
Materai Bank : ..... Jawatan : .....  
Tarikh : .....

**SULIT**

**LAPORAN PRESTASI PERKHIDMATAN SEMASA PENYEBUT HARGA  
(BUKAN PEROLEHAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH)**

Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Penyelia Perkhidmatan atau Pegawai Kanannya yang menyelia Perkhidmatan dan diserahkan kepada Penyebut Harga dalam satu sampul surat berlakri untuk disertakan bersama - sama Dokumen Sebut Harga.

Kepada : Unit Perolehan, Universiti Sultan Azlan Shah.

Nama Penyebut Harga : .....

Perkhidmatan : .....

No. Kontrak : .....

Nilai Kontrak : .....

Tarikh Mula Kontrak : .....

Tempoh Kontrak : .....

Lanjutan Masa : .....

Lanjutan Masa Seterusnya : .....

Justifikasi : .....

**Kemajuan Perkhidmatan (Berdasarkan nilai Perkhidmatan yang telah dilaksanakan)**

Pencapaian Sebenar : ..... %  
Mengikut Jadual : ..... %  
Tarikh Jangka Selesai : .....  
Nilai bahagian Perkhidmatan telah selesai : RM .....  
Nilai bahagian Perkhidmatan belum selesai : RM .....

**Ulasan Prestasi Penyebut Harga**

Nyatakan sebarang kepujian dan / atau kelemahan Penyebut Harga dan juga tindakan / perakuan yang diambil / dipertimbangkan berhubung dengan prestasi Penyebut Harga melaksanakan Perkhidmatan:

.....  
.....  
.....  
.....

Tandatangan Penyelia Perkhidmatan : .....  
Nama Penyelia Perkhidmatan : .....  
Jawatan Penyelia Perkhidmatan : .....  
Tarikh : .....